Tak wajar tawar tempat di IPT dengan keputusan percubaan

Oleh Muhamad Lokman Khairi - November 27, 2023 @ 3:18pm
bhpendidikan@bharian.com.my



Banyak pihak menawarkan tempat di universiti berdasarkan peperiksaan percubaan, ia tidak adil kerana tidak mencerminkan kualiti sebenar pelajar. Gambar arkib NSTP

Sejauh mana keputusan peperiksaan percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh dianggap sebagai cerminan kepada keputusan sebenar calon?

Bagi calon yang meraih deretan A dalam peperiksaan percubaan, keputusan itu melayakkan mereka untuk memohon tempat ke universiti juga biasiswa. Namun bagi yang mencatat keputusan tidak memuaskan, tempoh berbaki menjelang SPM sebenar adalah saat yang cukup kritikal bagi memperbaiki kesilapan dan memastikan usaha dilipat ganda untuk memperbaiki keputusan.

Pensyarah di Jabatan Pendidikan Dasar dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM), Dr Abd Razak Zakaria menyifatkan, keputusan peperiksaan percubaan hanya boleh dianggap sebagai gambaran awal pencapaian murid.

Hal ini kerana mutu semakan jawapan dan kualiti skema pemarkahan yang disediakan bagi peperiksaan percubaan adalah tidak selaras antara sekolah, daerah dan negeri.

Malah katanya, jika dilihat kertas soalan untuk peperiksaan percubaan juga tidak selaras. Setiap negeri mempunyai soalan berlainan malah terdapat juga sekolah berasrama penuh (SBP) dan dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) yang mempunyai kertas soalan khas.

"Jadi, berdasarkan hal itu kita boleh katakan peperiksaan percubaan dijadikan panduan untuk meningkatkan kualiti pencapaian murid.

"Malah pelaksanaannya lebih kepada memberi pendedahan kepada murid terhadap kesukaran format SPM berdasarkan ketidakseragaman kertas soalan itu di peringkat negeri malah antara sekolah harian dan SBP.

"Cuma kita harap, jangan sampai soalan dalam peperiksaan percubaan itu nanti sama dengan SPM sebenar. Ini tidak adil kepada sebahagian pelajar," katanya.

Tegas Abd Razak, setiap sekolah inginkan keputusan SPM yang hebat, namun perkara itu memberi tekanan kepada murid dan guru lebih-lebih lagi Kementerian Pendidikan (KPM) membuat perbandingan gred antara sekolah, daerah dan negeri.

Katanya, walaupun KPM memperkenalkan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), namun di hujungnya masih lagi nilai gred juga yang dilihat bagi menentukan kualiti sekolah.

Tambah beliau, ada juga kes integriti berkaitan kerahsiaan oleh penggubal soalan yang terdiri daripada kelompok guru pakar tidak dipatuhi sepenuhnya lebih-lebih lagi semua sekolah berlumba-lumba untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.

Hal ini katanya menyebabkan timbul pelbagai dakwaan kertas soalan SPM bocor. Malah hampir saban tahun masyarakat mendengar mengenai berlakunya penyebaran soalan-soalan SPM.

Ujarnya, hal ini sangat berbeza berbanding dengan persediaan pelajar untuk berhadapan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang benar-benar terjaga integriti perkhidmatan dan kerahsiaan.

Abd Razak berkata, kebelakangan ini banyak pihak yang menawarkan tempat di universiti dan peruntukan biasiswa juga tajaan pelajaran hanya berdasarkan peperiksaan percubaan.

Hal ini katanya tidak adil kerana keputusan percubaan tidak mencerminkan kualiti sebenar pelajar.

"Tawaran penempatan juga harus mengambil kira peperiksaan khas yang perlu diduduki untuk mendapatkan penajaan atau tempat di universiti.

"Jika hanya berdasarkan peperiksaan percubaan, ia tidak mencerminkan kualiti penerima biasiswa," katanya.

Beliau turut mencadangkan universiti supaya menyediakan satu peperiksaan khas kemasukan sebagaimana universiti di Barat lakukan.

Katanya, di Barat tiada sijil khas yang dilihat sebaliknya pelajar perlu lulus peperiksaan khusus yang disediakan oleh universiti itu. Berdasarkan keputusan itu mereka boleh melanjutkan pengajian ke universiti berkaitan.

Sementara itu Pensyarah di Jabatan Bahasa dan Literasi Pendidikan, Prof Madya Dr Zuwati Hasim, berkata secara umum peperiksaan percubaan SPM bertujuan membolehkan guru dan pelajar mengenal pasti kedudukan serta bahagian yang dimantapkan sama ada dari segi penguasaan topik, kekuatan dan kelemahan teknik menjawab, serta kebolehan pelajar pengurusan masa menjawab.

Atas sebab itu, jelasnya, kualiti dan format soalan yang disediakan adalah mirip soalan sebenar SPM dan ada masanya lebih sukar berbanding soalan SPM sebenar.

"Lazimnya soalan peperiksaan percubaan melalui proses penyaringan bagi memastikan soalan dan format mengikut peperiksaan sebenar SPM dan kebiasaannya soalan percubaan lebih sukar berbanding soalan sebenar.

"Secara amnya, pencapaian pelajar pada SPM adalah lebih baik berbanding daripada hasil peperiksaan percubaan.

"Oleh sebab itu, sebahagian penaja tidak teragak-agak untuk membuka peluang berdasarkan keputusan peperiksaan percubaan," katanya.

Tegas beliau, penawaran penajaan tidak semudah yang disangka kerana sudah tentu terdapat proses saringan oleh pihak penaja seperti temuduga dan ujian tertentu bagi memastikan pelajar terpilih benar-benar layak berdasarkan kualiti untuk penajaan.

Tambahan lagi, kebiasaannya tawaran pihak penaja turut bersandarkan kepada pencapaian sebenar SPM, maka situasi penaja menawarkan tempat kepada pelajar berdasarkan peperiksaan percubaan sewajarnya tidak menjadi isu.

"Pencapaian murid dalam peperiksaan percubaan dan SPM sebenar kebiasaannya tidak jauh berbeza.

"Sekiranya ingin mendapatkan penajaan, pelajar perlu memastikan mereka membuat yang terbaik dengan ulangkaji seawal mungkin bagi membolehkan mereka mencapai keputusan cemerlang yang melayakkan mereka untuk memohon.

"Namun demikian, kelayakan sahaja tidak mencukupi kerana persaingan untuk mendapatkan penajaan sangat kompetitif di mana pelajar juga perlu melepasi temuduga dan ujian saringan serta syarat khas yang ditetapkan oleh pihak penaja," katanya.

Mengulas mengenai pengaruh masa singkat antara peperiksaan percubaan dengan SPM terhadap prestasi pelajar, Zuwati berpandangan tempoh dua bulan dari keputusan

peperiksaan percubaan diumumkan sudah mencukupi untuk digunakan pelajar mengulangkaji topik serta mengasah atau menambahbaik teknik menjawab.

Tegas beliau, di fasa kritikal sebegini, analisis dan maklum balas yang lengkap berkaitan hasil peperiksaan percubaan mesti diperoleh pelajar dari setiap guru mata pelajaran supaya calon SPM dapat membuat ulangkaji berfokus kepada bahagian yang dikenal pasti lemah.